GARIS PANDUAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BILANGAN 2 TAHUN 2013

# GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAH QURBAN

جابتن كماجوان إسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

GARIS PANDUAN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BILANGAN 2 TAHUN 2013

# GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAH QURBAN

جابتن كماجوان إسلام مليسيا

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

GARIS PANDUAN

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BILANGAN 2 TAHUN 2013

# GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAH QURBAN

(Garis Panduan ini telah diperakukan oleh Panel Pakar Syariah Jakim, iaitu bagi Bahagian Pertama: Tatacara Pelaksanaan Ibadah Qurban dalam mesyuaratnya kali ke-81 pada 26 - 28 Februari 2013, dan Bahagian Kedua: Pengurusan Qurban dalam mesyuaratnya kali ke-82 pada 17 - 19 Jun 2013)

جابتن كماجوان إسلام مليسيا

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**Cetakan Pertama 2013**
**© JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62579 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

**Perpustakaan Negara Malaysia      Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN IBADAH QURBAN
ISBN 978-983-042-527-6
1. Slaughtering and slaughter houses (Islamic Law).
2. Islam--Customs and practices.
3.Sacrifice--Islam.
297.576

*Konsep, Rekabentuk dan Cetakan:* **OMR Press Sdn Bhd**
No. 18, Jln Industri USJ 1/12,
Tmn. Perindustrian USJ 1,
47600 Subang Jaya, Selangor
Tel : 03-8024 6396
Fax : 03-8024 6936

# Kandungan


| | |
|---|---|
| Kata Alu-aluan | vii |
| Tujuan | 1 |
| Latar Belakang | 2 - 3 |
| BAHAGIAN 1: TATACARA PELAKSANAAN IBADAH QURBAN | 4 |
| Tafsiran | 4 |
| Hikmah Ibadah Qurban | 6 |
| Hukum Berqurban | 6 |
| Jenis Qurban | 7 |
| Status Hukum Daging Qurban | 7 |
| Pembahagian Daging Qurban | 8 |
| Individu Yang Dituntut Melakukan Ibadah Qurban | 9 |
| Syarat Sah Berqurban | 9 |
| Tempoh dan Masa Berqurban | 10 |
| Syarat Sah Haiwan Ternakan Untuk Qurban | 11 |
| Syarat Penyembelih Haiwan Qurban | 12 |
| Syarat Sah Sembelihan | 12 |
| Syarat Alat Menyembelih | 13 |
| Perkara Sunat Ketika Berqurban | 13 |
| Perkara Makruh Ketika Berqurban | 14 |
| Cara Menyembelih Haiwan Qurban | 14 |
| Agihan Daging Qurban | 18 |

# Kandungan

BAHAGIAN 2: PENGURUSAN QURBAN 19

Tafsiran 19
Pihak Wakil Melantik Wakil Lain (Tawkil) Melaksanakan Qurban 20
Lafaz Niat Wakalah Untuk Pelaksanaan Qurban 20
Perkara Yang Mesti Diketahui Sebelum Mewakilkan Urusan Qurban 21
Pengurusan Qurban Oleh Persatuan, Agensi atau Syarikat Dalam Negara 22
Pengurusan Qurban Oleh Persatuan, Agensi atau Syarikat Luar Negara 22
Penyerahan Wang Kepada Wakil Bagi Qurban di Luar Negara 23
Qurban Yang Bercampur Dengan Aqiqah, Hadiah, Nazar dan Sembelihan Biasa 23
Pemberian Haiwan Qurban Oleh Orang Perseorangan, Persatuan atau Agensi 24
Pemberian Haiwan Qurban Oleh Orang Bukan Islam 27

PENUTUP 28

# Kata Alu - Aluan

## Ketua Pengarah
## Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Alhamdulillah, segala pujian hanyalah untuk Allah SWT yang menjadikan alam semesta ini. Selawat dan salam ke atas junjungan Baginda Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan sekalian para sahabatnya.

Saya bersyukur kerana Jakim telah berjaya menerbitkan Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban ini untuk dijadikan panduan oleh umat Islam di Malaysia, khusus bagi yang terlibat dengan pengurusan sembelihan dan pengurusan penyertaan ibadah qurban. Garis panduan ini disediakan berikutan isu-isu berkaitan telah dirujuk kepada Jakim.

Disebabkan amalan qurban ini adalah perkara ibadah, setiap perkara ibadah akan melibatkan kaedah dan peraturan khusus. Kedua-dua perkara tersebut membangkitkan aspek hukum yang memberi kesan kepada sah atau sebaliknya ibadah yang dilaksanakan. Maka penerbitan garis panduan ini adalah suatu bantuan kepada mereka yang ingin melaksanakan ibadah qurban dan mereka yang hendak menguruskan penyertaan ibadah qurban supaya dapat melaksanakannya dengan maklumat atau ilmu yang tepat dan mencukupi, menepati tuntutan syarak dan ibadah diterima Allah SWT.

Kandungan garis panduan ini mempunyai dua bahagian. Bahagian pertama adalah berkenaan Tatacara Pelaksanaan Ibadah Qurban, iaitu menjurus kepada pelaksanaan ibadah qurban atau dikenali sebagai konsep ibadah qurban. Manakala bahagian kedua adalah berkaitan Pengurusan Qurban, iaitu lebih menjurus kepada pelaksanaan pengurusan qurban, termasuk mengurus haiwan ternakan untuk dijadikan qurban.

Akhirnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang telah menjayakan penerbitan garis panduan ini, dan mengharapkan agar garis panduan ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak bagi memastikan pelaksanaan ibadah qurban menepati kehendak syarak dan mencapai matlamatnya.

Sekian, terima kasih.



**DATO' HJ. OTHMAN BIN MUSTAPHA**
**Ketua Pengarah**
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**

## TUJUAN

Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban ini disediakan adalah untuk memberi panduan dan rujukan kepada individu yang hendak melaksanakan ibadah qurban dan pihak yang hendak menguruskan ibadah tersebut.

# LATAR BELAKANG

2. Ibadah qurban merupakan amalan yang sangat dituntut dalam Islam. Tujuannya adalah sebagai amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ia telah disyariatkan pada tahun kedua hijrah. Dalil pensyariatannya sabit dengan al-Quran dalam surah al-Kauthar ayat 2 dan surah al-Hajj ayat 36. Hukumnya adalah sunat yang sangat dituntut *(sunat muakkadah)*. Ibadah ini dilakukan oleh umat Islam di seluruh dunia setiap tahun apabila tibanya 'Idul Adha, atau Hari Raya Qurban pada 10 Zulhijjah dan Hari-hari Tasyrik, iaitu pada 11,12 dan 13 Zulhijjah.

3. Dalam pelaksanaan ibadah qurban ini, selain ia diuruskan secara individu, ada syarikat atau agensi pengurusan qurban menawarkan perkhidmatan mengurus qurban sebagai satu perniagaan kepada mereka yang memerlukan. Cara ini termasuk urusan atas talian yang dianggap lebih cepat dan senang tanpa melalui proses 'turun padang' untuk melaksanakan ibadah qurban.

4. Isu sumbangan atau pemberian haiwan qurban juga sering dibangkitkan dalam masyarakat kerana melibatkan jumlah sumbangan yang banyak oleh pihak-pihak yang berhajat menyumbangkan ternakan qurban kepada kelompok masyarakat Islam bagi sama-sama meraikan Hari Raya Qurban. Oleh yang demikian, penggunaan perkhidmatan urusan dan pemberian sumbangan, hendaklah diberi perhatian secara khusus supaya ia dapat memenuhi syarat-syarat mengikut hukum syarak.

5. Garis panduan ini mengemukakan beberapa panduan penting bagi memenuhi tuntutan syarak dalam melaksanakan ibadah qurban supaya ia tidak menyalahi maksud asal ibadah qurban itu sendiri. Justeru, dengan adanya garis panduan pelaksanaan ibadah qurban ini, mudah-mudahan ia dapat dilaksana dan diurus oleh semua pihak mengikut kehendak syarak.

# BAHAGIAN 1: TATACARA PELAKSANAAN IBADAH QURBAN

6. Amalan qurban menjadi satu ibadah tahunan bagi masyarakat Islam khususnya di Malaysia yang melakukan penyembelihan qurban sama ada dilakukan di masjid, surau, balai raya, padang awam, taman perumahan atau rumah persendirian. Pelbagai cara dan kaedah dilakukan oleh masyarakat awam dalam melaksanakan penyembelihan qurban.

## TAFSIRAN

7. Bagi maksud garis panduan ini:

(a) ***"Qurban"*** bermaksud nama bagi sesuatu yang diqurbankan, atau nama bagi ternakan yang disembelih pada 'Idul Adha. Qurban bermaksud menyembelih ternakan tertentu dengan taqarrub kepada Allah SWT pada masa-masa tertentu. Ia juga diertikan sebagai ternakan an'am yang disembelih pada Hari Nahar dengan tujuan taqarrub kepada Allah SWT.

(b) ***"Taqarrub"*** bermaksud perbuatan atau amalan yang dilakukan bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ibadah qurban adalah salah satu amalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT berdasarkan kepada surah al-Kauthar ayat 2, surah al-Hajj ayat 36.

(c) ***"Nazar"*** bermaksud janji kepada Allah SWT. Menurut al-Mawardi, nazar ialah iltizam (mewajibkan diri) untuk melakukan *qurbah* (sesuatu yang boleh menghampirkan diri kepada Allah) yang pada asalnya tidak wajib di sisi syarak.

(d) ***"Qurban Nazar"*** bermaksud qurban yang diwajibkan ke atas individu yang berazam untuk melakukan qurban nazar. Contohnya, apabila seseorang menyebut: "Wajib ke atas diriku berqurban seekor kambing kerana Allah SWT".

(e) ***"Qurban Sunat (tatawu')"*** bermaksud qurban yang dilakukan bukan niat kerana bernazar. Ia dikira sunat kerana tidak ada sebab-sebab dan syarat yang menjadikannya wajib.

(f) ***"Sunat Muakkadah"*** bermaksud sunat yang amat dituntut untuk melakukan ibadah qurban, dan makruh meninggalkan bagi yang berkemampuan.

(g) ***"Hari Nahar"*** bermaksud 'Idul Adha atau Hari Raya Qurban, iaitu pada 10 Zulhijjah.

(h) ***"Hari Tasyrik"*** bermaksud 11, 12 dan 13 Zulhijjah.

## HIKMAH IBADAH QURBAN

8. Ibadah qurban disyariatkan sebagai tanda bersyukur terhadap Allah SWT atas segala nikmat-Nya yang berbagai-bagai dan juga atas kekalnya manusia dari tahun ke tahun. Ia juga bertujuan menjadi kifarat bagi pelakunya sama ada disebabkan kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan, ataupun dengan sebab kecuaiannya dalam menunaikan kewajipan, di samping memberikan kelegaan kepada keluarga orang yang berqurban dan juga mereka yang lain.

## HUKUM BERQURBAN

9. Dalil pensyariatan ibadah qurban adalah berasaskan kepada al-Quran merujuk kepada surah al-Kauthar ayat 2, surah al-Hajj ayat 36 dan surah al-Safat ayat 107. Manakala dalil pensyariatan berasaskan Sunnah ialah daripada hadith Aisyah yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi dan Ibn Majah dan hadith Anas yang diriwayatkan oleh Muslim.

10. Menurut pandangan jumhur ulama, hukum melaksanakan ibadah qurban adalah sunat *muakkadah* bagi individu yang berkemampuan. Pandangan ulama mazhab Shafi'i adalah sunat 'ain bagi setiap orang sekali dalam seumur hidup. Menurut pandangan yang masyhur di kalangan ulama mazhab Maliki adalah makruh meninggalkannya bagi mereka yang mampu. Manakala bagi mereka yang berniat untuk melakukan qurban nazar maka hukum melaksanakannya adalah wajib.

## JENIS QURBAN

11. Qurban terbahagi kepada dua jenis, iaitu qurban nazar (wajib) dan qurban sunat.

## STATUS HUKUM DAGING QURBAN

12. Hukum berkaitan daging qurban terbahagi kepada beberapa status seperti yang berikut:

(a) Haram memakan daging bagi orang yang melakukan qurban nazar (wajib) dan juga ahli keluarga di bawah tanggungannya walaupun sedikit sebagaimana juga haram memberikan daging qurban tersebut kepada orang bukan Islam.

(b) Hukum pemberian daging qurban sunat kepada orang bukan Islam adalah haram menurut pandangan ulama mazhab Shafi‘i.

(c) Kulit, lemak, daging, susu, kaki, kepala dan bulu-bulunya haram dijual oleh orang melakukan ibadah qurban sama ada qurban wajib atau qurban sunat.

(d) Bahagian atau anggota sembelihan qurban tidak harus dikhususkan kepada tukang sembelih sebagai upah melakukan sembelihan, kecuali bahagian atau anggota tersebut diberikan oleh individu yang melakukan qurban.

(e) Sunat bagi individu yang melakukan qurban sunat (*tatawu’*) memakan daging qurbannya.

# PEMBAHAGIAN DAGING QURBAN

13. Pembahagian daging qurban terbahagi kepada dua jenis, iaitu sembelihan qurban wajib (nazar) dan sembelihan sunat seperti yang berikut:

(a) Pembahagian daging qurban wajib atau nazar:

Wajib semua dagingnya termasuk kulit dan tanduk disedekahkan kepada orang fakir dan miskin, dan haram bagi pihak orang yang berqurban memakan daging qurbannya atau memanfaatkan sembelihan itu untuk kepentingan dirinya.

(b) Pembahagian daging qurban sunat:

Menurut pandangan ulama mazhab Shafi‘i:

(i) 1/3 untuk dimakan oleh pihak yang berqurban dan ahli keluarganya;

(ii) 1/3 untuk disedekahkan kepada fakir dan miskin;

(iii) 1/3 untuk dihadiahkan kepada sahabat handai termasuk orang kaya atau jiran-jiran.

Yang paling afdal menurut pandangan ulama mazhab Shafi‘i ialah bersedekah semuanya kecuali pada beberapa ketul atau suapan yang agak berpatutan dimakan oleh orang yang berqurban untuk mengambil berkat, seperti sebahagian hati kerana ianya sunat dimakan. Amalan ini pernah dilakukan oleh Nabi SAW ketika Baginda melakukan qurban.

## INDIVIDU YANG DITUNTUT MELAKUKAN IBADAH QURBAN

14. Syarat-syarat bagi individu yang dituntut melakukan ibadah qurban adalah seperti yang berikut:

(a) Seorang Islam yang masih hidup. Tidak boleh melakukan untuk si mati jika dia tidak meninggalkan wasiat.

(b) Seorang yang merdeka. Tidak dituntut ke atas hamba.

(c) Mencapai umur baligh dan berakal.

(d) Bermukim, iaitu menetap di sesuatu kawasan.

(e) Mampu melaksanakan, iaitu mereka yang mempunyai wang untuk berbelanja mendapatkan ternakan qurban, yang lebih daripada keperluannya dan keperluan mereka yang berada di bawah tanggungannya untuk Hari Raya dan Hari-hari Tasyrik kerana tempoh itulah masa bagi melakukan qurban.

## SYARAT SAH BERQURBAN

15. Syarat sah berqurban hendaklah melakukan dua perkara:

(a) Niat untuk *taqarrub* diri kepada Allah SWT. Waktu niat qurban adalah semasa menyembelih atau semasa membeli ternakan qurban.

(b) Memilih ternakan qurban yang boleh dikongsi bahagian seperti unta, lembu dan kerbau jika ingin berkongsi tujuh orang. Manakala kambing atau biri-biri dikhususkan untuk seorang yang mewakili satu bahagian.

# TEMPOH DAN MASA BERQURBAN

16. Tempoh dan masa berqurban hendaklah dilakukan berdasarkan ketetapan yang berikut, iaitu:

(a) Penyembelihan hendaklah dilakukan pada Hari Nahar (10 Zulhijjah) dan Hari Tasyrik (11 hingga 13 Zulhijjah) meliputi malam ke-11, 12 dan 13. Qurban tidak sah dilakukan pada malam sebelum Hari Raya (10 Zulhijjah). Ia juga tidak sah dilakukan pada malam 14 Zulhijjah.

(b) Penyembelihan dilakukan apabila berlalu masa dua rakaat solat sunat Hari Raya Adha serta bacaan khutbah. Sebagai contoh: Masa yang ditetapkan untuk solat sunat Hari Raya pada jam 8.30 pagi dan selesai pada jam 9.30 pagi. Maka waktu berqurban bermula pada jam 9.30 pagi.

(c) Penyembelihan yang dilakukan selepas tempoh tersebut, sama ada imam menunaikan solat atau tidak, sama ada orang berqurban menunaikan solat atau tidak, sama ada imam menyembelih haiwan qurban atau tidak, hukumnya adalah sah.

(d) Waktu penyembelihan qurban berterusan siang dan malam (tetapi makruh dilakukan pada waktu malam) sehingga Hari Tasyrik yang terakhir (13 Zulhijjah) sebelum terbenamnya matahari. Bagi penyembelihan qurban yang dilakukan sebelum terbit fajar, maka hukumnya adalah tidak sah.

(e) Penyembelihan qurban yang dilakukan selepas terbit matahari dan sebelum waktu solat sunat Hari Raya Adha adalah tidak mendapat pahala sunat dan tidak dikira sebagai ibadah.

# SYARAT SAH HAIWAN TERNAKAN UNTUK QURBAN

17. Untuk memenuhi syarat-syarat sah sesuatu ibadah qurban, perkara-perkara berikut disyaratkan ke atas haiwan ternakan berkenaan, iaitu:

(a) Ibadah qurban tidak sah kecuali dengan haiwan ternakan sahaja, iaitu unta, lembu, kambing, biri-biri dan semua yang termasuk dalam jenisnya, sama ada jantan atau betina, yang menjadi baka ataupun dikasi. Dengan itu, tidak sah berqurban selain dengan haiwan ternakan seperti kerbau liar, kijang, rusa, pelanduk dan seumpamanya.

(b) Haiwan ternakan itu hendaklah sihat dan bebas daripada sebarang penyakit.

(c) Haiwan ternakan itu tidak mempunyai kecacatan, sama ada tempang, buta, telinga koyak, patah sebelah tanduk, cedera pada tubuh badan, kurus sehingga tidak mempunyai lemak, atau kecacatan yang lain sepertinya.

(d) Haiwan ternakan itu telah mencapai satu tahap minimum umur, iaitu:

(i) unta : berumur lima tahun masuk tahun keenam;

(ii) lembu/kerbau : berumur dua tahun masuk tahun ketiga;

(iii) kambing : berumur dua tahun masuk tahun ketiga;

(iv) biri-biri : berumur satu tahun masuk tahun kedua, ataupun telah bersalin gigi hadapan.

## SYARAT PENYEMBELIH HAIWAN QURBAN

18. Afdal bagi orang yang melakukan qurban menyembelih sendiri qurbannya. Walau bagaimanapun, dia boleh mewakilkan kepada orang lain atau syarikat atau persatuan yang bersetuju untuk menguruskan ibadah qurban, dan sunat baginya sama-sama hadir menyaksikannya dengan syarat-syarat seperti yang berikut:

(a) Penyembelih qurban hendaklah seorang muslim, sama ada lelaki atau perempuan. Namun yang afdal menyembelih qurban adalah orang lelaki dan sunat orang perempuan mewakilkan kepada orang lelaki;

(b) Seorang yang telah *mumayyiz* dan berakal;

(c) Mampu melakukannya (pandai menyembelih) dan dilakukan tanpa ada paksaan;

(d) Sembelihan makruh jika mewakilkan qurban itu untuk disembelih oleh ahli kitab, atau kepada kanak-kanak dan perempuan haid;

(e) Jika qurban itu disembelih oleh orang kafir yang diwakilkan oleh tuan qurban, maka qurban itu tidak sah.

## SYARAT SAH SEMBELIHAN

19. Syarat sah sembelihan adalah dengan memutuskan:

(a) dua urat pembuluh darah, iaitu karotid dan jugular (*wadajain*);

(b) urat *mari'* (saluran makanan); dan

(c) *halqum* (saluran pernafasan).

## SYARAT ALAT MENYEMBELIH

20. Alat menyembelih hendaklah tajam, bukan menggunakan alat yang tumpul, tulang dan gigi haiwan.

## PERKARA SUNAT KETIKA BERQURBAN

21. Antara perkara sunat ketika berqurban adalah seperti yang berikut:

(a) Menambat ternakan qurban menjelang Hari *Nahar*.
(b) Memberi makanan kepada haiwan qurban sebelum disembelih.
(c) Memastikan haiwan tersebut tidak makan makanan yang syubhah seperti makan rumput di kawasan yang bukan milik tuan haiwan qurban.
(d) Meletakkan tanda serta menutup tubuh haiwan qurban supaya dapat merasakan kepentingan qurban.
(e) Melakukan penyembelihan qurban dengan sendiri.
(f) Membaca Bismillah ( بِسْمِ اللّٰهِ ).
(g) Berselawat ke atas Nabi SAW.
(h) Penyembelih dan haiwan mengadap ke arah qiblat.
(i) Memilih haiwan ternakan yang paling baik.
(j) Menunggu haiwan yang disembelih itu sehingga sejuk dan semua anggotanya tidak bergerak lagi atau benar-benar mati dan baharulah dilapah.
(k) Orang yang melakukan qurban disunatkan tidak bercukur dan tidak memotong kukunya setelah tiba bulan Zulhijjah sehingga dia telah selesai berqurban.

## PERKARA MAKRUH KETIKA BERQURBAN

22. Antara perkara yang makruh ketika berqurban adalah seperti yang berikut:

(a) Melakukan qurban ke atas haiwan yang carik telinganya atau terpotong sedikit di belakang telinganya.

(b) Memotong bulu haiwan yang hendak diqurbankan bagi tujuan kegunaan sendiri jika boleh memudaratkannya.

(c) Melakukan qurban ke atas haiwan yang pecah atau patah tanduknya, atau tiada bertanduk.

(d) Memerah susu haiwan yang hendak dijadikan qurban dan meminumnya kecuali disedekahkan susu tersebut.

(e) Memotong kuku dan bercukur bagi orang yang berniat qurban.

(f) Melakukan sembelihan qurban pada waktu malam.

## CARA MENYEMBELIH HAIWAN QURBAN

23. Cara menyembelih ternakan qurban adalah seperti yang berikut:

(a) Niat atau qasad untuk sembelih qurban; antara contoh-contoh lafaz niat:

(i) Qurban Sunat

| Kategori Haiwan Ternakan Qurban | Contoh Lafaz Niat Oleh Penyembelih Qurban |
|---|---|
| Seekor binatang yang tidak berkongsi (kambing, lembu, kerbau) | <u>Bagi penyembelih yang berqurban:</u><br>*"Inilah qurbanku kerana Allah".*<br><br><u>Bagi penyembelih yang tidak menyertai qurban:</u><br>*"Inilah qurban Ali dan aku mewakilinya kerana Allah".* |
| Seekor binatang yang berkongsi tujuh bahagian. | <u>Bagi penyembelih yang menyertai qurban:</u><br>*"Inilah qurban aku dan aku mewakili Ali, Abu, Ahmad, Aishah, Adibah dan Aminah kerana Allah".*<br><br><u>Bagi penyembelih yang tidak menyertai qurban:</u><br>*"Inilah qurban Hasan, Ali, Abu, Ahmad, Aishah, Adibah dan Aminah dan aku mewakili mereka kerana Allah".* |

(ii) Qurban Nazar

| Kategori Haiwan Ternakan Qurban | Contoh Lafaz Niat Oleh Penyembelih Qurban |
|---|---|
| Seekor binatang yang tidak berkongsi (kambing, lembu, kerbau) | <u>Bagi penyembelih yang berqurban:</u><br>*"Inilah qurban wajib ke atasku kerana Allah".*<br><br><u>Bagi penyembelih yang tidak menyertai qurban:</u><br>*"Inilah qurban wajib ke atas Ali dan aku mewakilinya kerana Allah".* |
| Seekor binatang yang berkongsi tujuh bahagian. | <u>Bagi penyembelih yang menyertai qurban:</u><br>*"Inilah qurban wajib ke atasku dan ke atas Ali, Abu, Ahmad, Aishah, Adibah dan Aminah dan aku mewakili mereka kerana Allah".*<br><br><u>Bagi penyembelih yang tidak menyertai qurban:</u><br>*"Inilah qurban wajib ke atas Hasan, Ali, Abu, Ahmad, Aishah, Adibah dan Aminah dan aku mewakili mereka kerana Allah".* |

(b) Membaringkan dan menghadapkan rusuk kiri haiwan ke arah kiblat dan kepalanya diangkatkan sedikit;
(c) Direbahkan dengan menggunakan tali yang sesuai, tempat yang sesuai dan tidak menyebabkan kecederaan kepada ternakan;
(d) Membaca بِسْمِ اللّٰهِ atau بِسْمِ اللّٰهِ وَاللّٰهُ أَكْبَرُ
(e) Berselawat ke atas Nabi SAW;
(f) Bertakbir tiga kali sebelum dan selepas بِسْمِ اللّٰهِ sebagai contoh:

اَللّٰهُ أَكْبَرُ اَللّٰهُ أَكْبَرُ اَللّٰهُ أَكْبَرُ بِسْمِ اللّٰهِ اَللّٰهُ أَكْبَرُ اَللّٰهُ أَكْبَرُ اَللّٰهُ أَكْبَرُ

(g) Penyembelih hendaklah memegang kulit tengkuk haiwan di bahagian bawah dagunya dan menariknya sehingga nampak jelas kulitnya;
(h) Meletakkan alat menyembelih di leher dengan memutuskan halqum, urat mari’ dan dua urat di leher kiri kanan haiwan (*wadajain*);
(i) Penyembelihan hendaklah dilakukan dengan kadar segera dan tidak diselangi dengan amalan-amalan lain; dan
(j) Berdoa kepada Allah SWT agar ibadah qurban diterima:

اَللّٰهُمَّ إِنَّ هٰذَا مِنْكَ وَإِلَيْكَ فَتَقَبَّلْ مِنِّي.

# AGIHAN DAGING QURBAN

24. Sebelum melaksanakan pengagihan daging qurban, tindakan pertama yang wajib dilakukan ialah mengasingkan antara daging bahagian qurban wajib daripada daging bahagian qurban sunat sebelum diagihkan kepada penerima. Hal ini jika perkongsian tujuh bahagian itu berlaku antara mereka yang berniat qurban wajib dengan mereka yang berniat qurban sunat, atau ada bahagian yang diniatkan untuk aqiqah. Ini langkah pertama yang amat penting kerana daging qurban wajib, wajib diagihkan kepada yang berhak kesemuanya, begitu juga dengan bahagian aqiqah yang ada cara pengagihannya yang sedikit berbeza dengan pengagihan qurban sunat.

25. Beberapa urusan lain yang berkaitan dengannya hendaklah diputuskan melalui jawatankuasa yang dibentuk untuk memudahkan pengagihan kepada pihak-pihak yang telah dikenal pasti seperti yang berikut:

(a) Memastikan daging qurban cukup untuk diagihkan kepada pihak-pihak yang telah disenaraikan;
(b) Menyediakan senarai penerima daging qurban mengikut keutamaan;
(c) Mengutamakan golongan fakir dan miskin yang telah dikenal pasti status mereka;
(d) Mengagihkan daging qurban kepada mereka yang tinggal di kawasan terpencil;
(e) Menyediakan kontena sejuk (jika perlu) untuk menempatkan daging qurban sebelum ia diagih ke kawasan pedalaman; dan
(f) Mengagihkan daging qurban kepada golongan yang berada sekiranya terdapat lebihan daging qurban tersebut.

# BAHAGIAN 2: PENGURUSAN QURBAN

## TAFSIRAN

26. Bagi maksud garis panduan ini:

(a) ***"Akad Wakalah"*** bermaksud suatu akad untuk mewakilkan orang lain (wakil) melaksanakan urusan dalam mengendalikan perkara yang diharuskan oleh syarak.

(b) ***"Muwakkil (pewakil)"*** bermaksud orang yang menyuruh orang lain menjadi wakil atau orang yang membuat wakalah.

(c) ***"Wakil"*** bermaksud orang yang menerima wakalah.

(d) ***"Muwakkal fih"*** bermaksud barang atau urusan yang hendak diserahkan kepada wakil.

(e) ***"Tawkil"*** bermaksud pelantikan wakil.

(f) ***"Hibah"*** bermaksud pemberian yang mencakupi hadiah dan sedekah atau sumbangan. Dalam istilah syarak ialah akad yang dapat memindah milik sesuatu tanpa balasan.

(g) ***"Qurban Nazar"*** bermaksud qurban yang diwajibkan ke atas individu yang berazam untuk melakukan qurban nazar. Contohnya apabila seseorang menyebut: "Wajib ke atas diriku berqurban seekor kambing kerana Allah SWT".

## PIHAK WAKIL MELANTIK WAKIL LAIN (TAWKIL) MELAKSANAKAN QURBAN

27. Kaedah umum menyatakan bahawa wakil tidak harus mewakilkan orang lain terhadap apa yang diwakilinya tanpa izin pewakil. Tetapi sekiranya pewakil (orang yang berniat qurban) mengungkap dengan lafaz umum, maka harus bagi wakil untuk mewakilkan kepada orang lain berdasarkan kepada kefahaman umum. Contoh akad wakalah umum:

> *"Saya Ahmad bin Muhamad bersetuju mewakilkan tuan menguruskan qurban saya pada tahun ini (1434H) kerana Allah Ta'ala".*

28. Sekiranya pewakil tidak menyebut lafaz yang menunjukkan umum keizinannya untuk bertindak, maka tidak harus bagi wakil mewakilkan *(tawkil)* kepada orang lain untuk menerima kerana wakil bertindak mengikut penyerahan pewakil dan memiliki kadar serahan itu sahaja.

29. Wakil juga tidak harus mewakilkan *(tawkil)* kepada orang lain tanpa izin pewakil apabila ia mampu melakukannya. Apabila tidak mampu melaksanakan apa yang diwakilkan kepadanya, harus baginya *tawkil*.

## LAFAZ NIAT WAKALAH UNTUK PELAKSANAAN QURBAN

30. Contoh lafaz khusus, akad orang yang berqurban menyuruh seseorang mewakilinya:

(a) *"Saya Ahmad bin Muhamad bersetuju mewakilkan Pengarah Program Syarikat Qurban melaksanakan*

*qurban saya untuk tahun ini (1434H) dengan bayaran RM500.00 bagi satu bahagian beserta upah RM100.00 kerana Allah Ta'ala."*

(b) *"Saya Ahmad bin Muhamad bersetuju mewakilkan Pengarah Program Syarikat Qurban melaksanakan qurban saya, isteri saya Fatimah, anak saya Aishah dan Aminah untuk tahun ini (1434H) dengan bayaran RM2000.00 bagi empat bahagian beserta upah RM400.00 kerana Allah Ta'ala."*

## PERKARA YANG MESTI DIKETAHUI SEBELUM MEWAKILKAN URUSAN QURBAN

31. Perkara-perkara yang mesti diketahui oleh individu sebelum mewakilkan urusan qurban kepada persatuan, agensi atau syarikat adalah seperti yang berikut:

(a) hendaklah mengetahui kadar harga bagi satu bahagian qurban yang ditawarkan oleh persatuan, agensi atau syarikat;

(b) hendaklah mengetahui kadar upah yang diambil oleh persatuan, agensi atau syarikat;

(c) hendaklah mengagihkan daging qurban mengikut hukum syarak;

(d) hendaklah mengetahui orang yang akan menjadi wakil untuk menyembelih haiwan qurban.

## PENGURUSAN QURBAN OLEH PERSATUAN, AGENSI ATAU SYARIKAT DALAM NEGARA

32. Pihak persatuan, agensi atau syarikat hendaklah menjelaskan perkara-perkara berikut:

(a) urusan jual beli seperti akad, jenis haiwan qurban dan fizikal haiwan yang cukup syarat;

(b) kadar harga bagi satu bahagian qurban yang ditawarkan;

(c) kadar kos pengurusan (upah) yang diambil;

(d) cara pengagihan dan penerima daging qurban.

## PENGURUSAN QURBAN OLEH PERSATUAN, AGENSI ATAU SYARIKAT LUAR NEGARA

33. Pihak persatuan, agensi atau syarikat luar negara hendaklah menjelaskan perkara-perkara berikut:

(a) urusan jual beli seperti akad, jenis haiwan qurban dan fizikal haiwan yang cukup syarat;

(b) kadar harga bagi satu bahagian qurban yang ditawarkan oleh syarikat atau persatuan;

(c) menetapkan kadar kos pengurusan semasa di awal akad bukan selepas akad;

(d) menetapkan kos pengurusan yang terlibat di luar negara selepas akad adalah ditanggung oleh persatuan, agensi atau syarikat dan bukan pihak individu.

## PENYERAHAN WANG KEPADA WAKIL BAGI QURBAN DI LUAR NEGARA

34. Apa-apa jumlah wang yang diberi kepada pihak pengurusan qurban yang dilantik sebagai wakil untuk menguruskan qurban di luar negara adalah terlaksana selagi mana wang berkenaan dibelanja mengikut akad yang telah dipersetujui. Akad tersebut hendaklah:

(a) akad penyerahan dengan lafaz yang khusus, bukan lafaz am kerana lafaz am mengandungi ketidakjelasan *(gharar)*;

(b) menjelaskan tentang jenis, sifat dan kadar harganya;

(c) orang yang menjadi wakil, tidak boleh mewakilkan kepada orang lain, kecuali mendapat izin daripada pewakil *(muwakkil)* atau wakil tidak mampu melaksanakannya.

## QURBAN YANG BERCAMPUR DENGAN AQIQAH, HADIAH, NAZAR DAN SEMBELIHAN BIASA

35. Sekiranya berlaku percampuran qurban dan perkara-perkara lain, maka:

(a) wajib dilakukan pengasingan antara daging bahagian qurban wajib (nazar) daripada daging bahagian qurban sunat, aqiqah, hadiah atau daging sembelihan untuk dijual, sebelum diagihkan kepada penerima jika terjadi perkongsian sedemikian. Langkah ini amat penting kerana daging qurban wajib (nazar), hendaklah diagihkan kesemuanya kepada yang berhak;

(b) adalah lebih baik, pihak yang menguruskan qurban tidak mencampurkan antara urusan qurban wajib (nazar) dengan qurban sunat, aqiqah, hadiah atau daging sembelihan biasa.

## PEMBERIAN HAIWAN QURBAN OLEH ORANG PERSEORANGAN, PERSATUAN, ATAU AGENSI

36. Pemberian atau sumbangan haiwan ternakan oleh orang perseorangan, persatuan, agensi, syarikat, jabatan atau kementerian kepada masyarakat Islam bagi tujuan qurban hendaklah diserahkan kepada jawatankuasa masjid atau surau untuk diuruskan oleh jawatankuasa yang dilantik.

37. Sesuatu pemberian atau sumbangan hendaklah dijelaskan akadnya terlebih dahulu sebelum menerima penyerahan, iaitu sama ada akad pemberian (hibah) sebagai hak milik atau akad *wakalah* untuk melantik satu pihak sebagai wakil menguruskan haiwan untuk qurban.

**(a) Akad Pemberian atau Hibah Sebagai Hak milik Ke Atas Haiwan Qurban**

(i) Contoh lafaz hibah:
*"Saya Ahmad bin Muhamad bersetuju menyerahkan sumbangan 30 ekor lembu qurban untuk tahun 1434H kepada jawatankuasa masjid/ surau untuk diuruskan".*

*"Saya mewakili Kementerian yang bersetuju menyerahkan sumbangan 30 ekor lembu qurban untuk tahun 1434H kepada jawatankuasa masjid/surau untuk diuruskan".*

(ii) Pihak jawatankuasa masjid/surau boleh memilih dan memberi keutamaan kepada golongan asnaf fakir miskin atau individu lain bagi mewakili bahagian qurban yang disertai.

(iii) Asnaf fakir miskin atau individu yang terpilih disunatkan mengambil daging tidak melebihi 1/3 daripada bahagian qurban yang disertai.

(iv) Pihak jawatankuasa masjid/surau dilarang melakukan perkara lain ke atas haiwan qurban kecuali untuk ibadah qurban sahaja.

**(b) Akad *Wakalah* Sebagai Wakil Menguruskan Haiwan Ternakan Untuk Qurban**

(i) Pihak jawatankuasa masjid/surau hendaklah mengikut akad yang diamanahkan sebagai wakil mengurus haiwan ternakan untuk qurban sama ada dengan lafaz am atau lafaz khas.

(ii) Contoh lafaz am:
*"Saya Ahmad bin Muhamad bersetuju melantik jawatankuasa masjid/surau sebagai wakil untuk*

*menguruskan 10 ekor lembu sebagai sumbangan 70 bahagian qurban kepada penduduk kampung ini".*

(iii) Contoh lafaz khas:
*"Saya mewakili Syarikat yang bersetuju melantik jawatankuasa masjid/surau sebagai wakil untuk menguruskan 10 ekor lembu sebagai sumbangan 70 bahagian qurban kepada fakir miskin di kampung ini".*

(iv) Sekiranya perlu, pihak jawatankuasa masjid/surau boleh mengenakan kos pengurusan dengan kadar yang berpatutan kepada peserta ibadah qurban yang terpilih.

(v) Asnaf fakir miskin atau individu yang terpilih disunatkan mengambil daging qurban tidak melebihi 1/3 daripada bahagian qurban yang disertai.

## PEMBERIAN HAIWAN QURBAN OLEH ORANG BUKAN ISLAM

38. Pemberian, hibah atau sumbangan haiwan qurban oleh orang perseorangan, persatuan atau pertubuhan bukan Islam kepada masyarakat Islam bagi tujuan qurban hendaklah diuruskan seperti yang berikut:

(a) Haiwan qurban tersebut hendaklah diserahkan kepada jawatankuasa masjid/surau untuk diuruskan.

(b) Pihak jawatankuasa yang dilantik perlu memilih asnaf fakir miskin atau individu bagi mewakili bahagian qurban yang disertai.

(c) Asnaf fakir miskin atau individu yang terpilih disunatkan mengambil daging qurban tidak melebihi 1/3 daripada bahagian qurban yang disertai.

(d) Sekiranya perlu, pihak jawatankuasa masjid/surau boleh mengenakan kos pengurusan dengan kadar yang berpatutan kepada peserta ibadah qurban yang terpilih.

# PENUTUP

39. Garis panduan ini diharap dapat membantu orang yang berhajat melakukan ibadah qurban sebagai persediaan awal sebelum melakukannya, termasuk mendapat gambaran yang lebih jelas berkenaan cara melakukan ibadah qurban di samping menjaga adab-adab yang ditetapkan. Organisasi yang menguruskan qurban bagi pihak orang lain pula sewajarnya bersikap amanah dan tidak mengutamakan keuntungan semata-mata. Ini kerana perbuatan menolong untuk menyampaikan hajat seseorang juga diberi ganjaran oleh Allah SWT.

40. Justeru, garis panduan ini diharap dapat mencapai objektif qurban sebagai satu ibadah yang disyariatkan oleh Allah SWT. Semoga amalan penyembelihan ibadah qurban yang dilakukan memberi kesan yang mendalam serta galakan kepada orang lain untuk berusaha melaksanakan qurban sebagai salah satu tuntutan dalam Islam.

# RUJUKAN

Al-Baihaqi, Abu Bakar Ahmad bin al-Husain bin ‘Ali (t.t.). Kitab al-Sunan al-Kubra. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.

Al-Buhuti, al-Sheikh Mansur bin Yunus bin Idris (1402H/1982M). Kashaf al-Qina‘ ‘an Matn al-‘Iqna‘, Kitab al-Hajj, Bab al-Huda wa al-Udahi wa al-‘Aqiqah wa Ma Yata‘allaqu biha. Dar al-Fikr.

Al-Ghanimi, al-Sheikh Abd al-Ghani al-Ghanimi al-Dimashqi al-Maidani al-Hanafi (t.t.). al-Lubab. Beirut: Maktabah al-‘Alamiah.

Al-Ghazali, al-‘Alamah al-Faqih al-Hujjah Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad (1418H/1997M). Al-Wajiz fi Fiqhi al-Imam al-Shafi‘i. Beirut: Syarikat Dar al-Arqam bin Abi al-Arqam.

Al-Hakim al-Naisaburi, Abu Abdullah Muhammad bin Abdullah (1418H/1998M). Al-Mustadrak ‘ala Sahihain. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.

Al-Hanafi al-Haskifi, Muhammad bin ‘Ali bin Muhammad bin ‘Ali bin Abd al-Rahman (1423H/2002M). Al-Durr al-Mukhtar. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah: Beirut-Lubnan.

Al-Khatib al-Sharbini, Shamsuddin Muhammad (1418H/1997M). Mughni al-Muhtaj, Kitab al-Udhiyyah. Beirut-Lubnan: Dar al-Makrifah.

Al-Mawardi al-Basri, Abu al-Hasan ‘Ali bin Muhammad bin Habib (1414H/1994M). Al-Hawi al-Kabir fi Fiqh Mazhab al-Imam al-Shafi‘i. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.

Al-Nawawi, Imam Abi Zakaria Mahyuddin bin Sharaf al-Nawawi (1416H/1996M). Sharhu al-Nawawi ‘ala Muslim, Kitab Udahi, Bab Istihbab al-Dahiyah wa Zabhuha Mubasyarah bila Tawkil wa al-Tasmiyah wa al-Takbir. Dar al-Khair.

Al-Nawawi, Imam Abi Zakaria Mahyuddin bin Sharaf al-Nawawi (t.t.). Kitab al-Majmu‘ Syarh al-Muhazzab li al-Shirazi. Jeddah: Maktabah al-Irsyad.

Al-Nawawi, Imam Abi Zakaria Mahyuddin bin Sharaf al-Nawawi al-Dimashqi (1423H/2003M). Raudah al-Talibin. Beirut: Dar ‘Alam al-Kutub.

Al-Ramli, Muhammad bin Shihabuddin (1404H/1984M), Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj, Kitab al-Udhiyah. Dar al-Fikr.

Al-Shafi‘i, Imam Muhammad bin Idris (1422H/2001M). al-Umm. al-Mansurah: Dar al-Wafa’.

Ibn Hajar al-Haitami, Ahmad bin Muhammad bin ‘Ali (t.t), Tuhfat al-Muhtaj fi Sharh al-Minhaj, Kitab al-Udhiyah. Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.

Ibn Qudamah, Abi Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad (1405H/1985M). Al-Mughni, Kitab al-Udahi, Mas’alatu al-Istihbab an Ya’kula Sulus Udhiyatihi. Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi. Cet. 1.

Ibn Rushd al-Qurtubi, al-Qadi Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhamad bin Ahmad (1416H/1995M). Bidayat al-Mujtahid wa Nihayat al-Muqtasid. Dar al-Salam. Cet. 1.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Garis Panduan Penyembelihan Ternakan Korban.

Muhammad al-Qari, ‘Ali bin Sultan (1422H/2002M). Mirqatu al-Mafatih Sharhu Mishkatu al-Masabih, Kitab al-Solat, Bab fi al-Udhiyat. Darul al-Fikr.

Sheikh Abdullah bin Muhammad Basmeih (2000M). Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Wahbah al-Zuhaili (1999M). Fiqh & Perundangan Islam. Terj. Syed Ahmad Syed Hussain et.al. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wahbah al-Zuhaili, Ustaz Doktor (1418H/1997M). Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh. Beirut- Lubnan: Dar al-Fikr al-Mu‘asir.

Wizarah al-Auqaf wa al-Shu’un al-Islamiyah (1404H/1983M). Al-Mausu‘ah al-Fiqhiyah. Al-Kuwait. Cet. ke-2.

Sebarang pertanyaan dan maklum balas mengenai Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban bolehlah diajukan kepada alamat seperti berikut:

**Ketua Pengarah**
**Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,**
**Blok D7, Kompleks D,**
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,**
**62519 Putrajaya.**

No. Telefon :03 - 8886 4000
No. Faksimili :03 - 8889 1993

Garis Panduan Pelaksanaan Ibadah Qurban ini disediakan untuk memberi panduan dan rujukan kepada individu yang hendak melaksanakan ibadah qurban dan pihak yang hendak menguruskan ibadah tersebut supaya dapat melaksanakannya dengan maklumat atau ilmu yang tepat dan mencukupi, menepati tuntutan syarak dan ibadah diterima Allah SWT.

9 789830 425276

www.islam.gov.my